



**GARIS PANDUAN BAGI KELULUSAN KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI DI BAWAH
SUBSEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 (ACP) BAGI
INSTITUSI/ORGANISASI/TABUNG (IOT)**

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
A PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP		
1.	Pendahuluan	2
2.	Institusi Atau Organisasi Atau Tabung Yang Layak Memohon	3
2.1	Penubuhan IOT	3
2.2	Takrifan Dan Aktiviti Yang Layak	3
3.	Kriteria Kelayakan Institusi Atau Organisasi Atau Tabung	7
3.1	Objektif Penubuhan IOT	7
3.2	Pengertian Bukan Bertujuan Mencari Keuntungan Semata-Mata	7
3.3	Ahli Lembaga Pemegang Amanah/Ahli Lembaga Pengarah/Ahli Jawatankuasa (ALPA/ALP/AJK)	9
3.4	Penerimaan Derma Atau Hadiah Wang Yang Layak Dikeluarkan Resit Rasmi Derma Di Bawah Subseksyen 44(6) ACP	11
3.5	Tempoh Operasi Bagi Institusi Atau Organisasi Atau Tabung Yang Layak Memohon	11
3.6	Pendaftaran Nombor Pengenalan Cukai	12
4.	Prosedur Permohonan Kelulusan	12
B KEWAJIPAN IOT DALAM TEMPOH KELULUSAN		
5.	Pematuhan Kepada Syarat-Syarat Kelulusan Di Bawah Subseksyen 44(6), 44(7A) Dan 44(7B) ACP	16
6.	Pematuhan Kepada Larangan Ke Atas Institusi Atau Organisasi Atau Tabung Yang Telah Diluluskan Di Bawah Subseksyen 44(6) ACP	23
7.	Kesan Pelanggaran Syarat-Syarat Dan Larangan Kelulusan	23
C HAD TEMPOH KELULUSAN DAN PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP		
8.	Had Tempoh Masa Kelulusan	25
9.	Permohonan Lanjutan Tempoh Kelulusan	25
D LAYANAN PENCUKAIAN		
10.	Punca Kuasa KPHDN Ke Atas Kelulusan Serta Pengenaan Syarat-Syarat Dan Larangan Kelulusan	26
11.	Layanan Cukai Ke Atas Penderma	26
12.	Peringatan Penting	27



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

GARIS PANDUAN KETUA PENGARAH

Seksyen 134A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan Garis Panduan yang Ketua Pengarah fikirkan sesuai atau perlu.

Garis Panduan diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia memperuntukkan penjelasan Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai atau memudahkan pematuhan undang-undang atau apa-apa perkara lain yang berhubungan dengannya.

Ketua Pengarah boleh membatalkan, menyemak atau meminda keseluruhan atau sebahagian daripada Garis Panduan ini dengan penerbitan Garis Panduan yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

A. PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP

1. Pendahuluan

- 1.1 Garis panduan ini menggariskan undang-undang dan peraturan berkaitan dengan Institusi atau Organisasi atau Tabung (IOT) yang beroperasi atau dijalankan bukan berasaskan keuntungan. Garis panduan ini terpakai kepada IOT yang telah mendapat kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) dan juga menjadi panduan kepada pihak lain yang berkait dan bersangkutan.
- 1.2 Garis panduan ini bertujuan menggantikan Garis Panduan Bagi Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Di Bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) Bagi Institusi/Organisasi/Tabung yang dikeluarkan pada 20 Ogos 2024.
- 1.3 Garis panduan ini menerangkan:
 - 1.3.1 jenis-jenis IOT yang layak memohon;
 - 1.3.2 kriteria kelayakan IOT;
 - 1.3.3 prosedur permohonan kelulusan;
 - 1.3.4 syarat-syarat pematuhan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP;
 - 1.3.5 larangan ke atas IOT dalam tempoh kelulusan;
 - 1.3.6 kesan pelanggaran syarat-syarat kelulusan;
 - 1.3.7 tempoh masa kelulusan dan lanjutan tempoh di bawah subseksyen 44(6) ACP;
 - 1.3.8 punca kuasa KPHDN ke atas kelulusan serta penerapan syarat-syarat dan larangan kelulusan; dan
 - 1.3.9 layanan cukai ke atas pemberi sumbangan/penderma.
- 1.4 Garis panduan ini tidak merujuk kepada jenis permohonan berikut:
 - 1.4.1 Rumah ibadat dan sekolah; dan
 - 1.4.2 Tabung kebajikan hospital awam, hospital swasta dan hospital pengajar.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Garis panduan berkaitan disediakan secara berasingan dan boleh diakses menerusi portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) [www.hasil.gov.my].

2. Institusi Atau Organisasi Atau Tabung Yang Layak Memohon

IOT yang layak memohon dan boleh dipertimbangkan untuk kelulusan perlu dinilai dan diteliti dari pelbagai aspek.

2.1 Penubuhan IOT

IOT yang layak memohon mesti **ditubuhkan di Malaysia** dan didaftarkan dengan mana-mana pendaftar seperti berikut:

- a. sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) di bawah Akta Syarikat 1965 atau 2016 (Suruhanjaya Syarikat Malaysia) yang mempunyai;
 - i. Lesen di bawah subseksyen 24(1) dan syarat-syarat kelulusan di bawah subseksyen 24(3), Akta Syarikat 1965; atau
 - ii. Lesen di bawah subseksyen 45(3) dan syarat-syarat kelulusan di bawah subseksyen 45(5), Akta Syarikat 2016; dan
 - iii. Kelulusan Menteri untuk membuat kutipan wang daripada orang ramai;
- b. sebuah pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia);
- c. sebuah pertubuhan perbadanan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri); atau
- d. mana-mana badan pendaftar lain yang diiktiraf atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia.
- e. Bagi penubuhan tabung, pengasas tabung mestilah berdaftar dengan mana-mana badan pendaftar seperti dalam perenggan 2.1(a) hingga 2.1 (d) di atas.

2.2 Takrifan Dan Aktiviti Yang Layak

Merujuk perenggan 2.1 di atas, IOT perlulah memenuhi syarat seperti peruntukan subseksyen 44(7) ACP berikut:

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

2.2.1 **institusi** ertinya satu institusi di Malaysia yang **bukan beroperasi atau dijalankan untuk tujuan mencari keuntungan semata-mata** iaitu:

- a. sebuah hospital;
- b. sebuah institusi awam atau institusi amal/kebajikan;
- c. sebuah universiti (yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 atau Akta Institut Teknologi MARA 1976) atau institusi pendidikan lain;
- d. pihak berkuasa awam atau persatuan yang menjalankan penyelidikan dan kegiatan yang berkaitan dengan mencari punca penyakit, pencegahan atau pengubatan penyakit manusia;
- e. sebuah institusi bantuan Kerajaan yang menjalankan penyelidikan sosio-ekonomi; atau
- f. sebuah institusi latihan teknikal atau vokasional.

2.2.2 **Organisasi** ertinya satu organisasi di Malaysia yang **bukan beroperasi atau dijalankan untuk tujuan mencari keuntungan semata-mata** iaitu:

- a. Perenggan 44(7)(a) - sebuah organisasi yang ditubuhkan dan disenggarakan semata-mata untuk mentadbir dan menambahkan satu dana awam atau persendirian yang ditubuh atau dipegang hanya bagi penubuhan, pembesaran atau penambahbaikan bagi sebuah institusi atau hanya untuk pemberian suatu biasiswa, pameran atau hadiah untuk individu bagi kerja-kerja pendidikan atau kerja-kerja penyelidikan dalam sebuah institusi di Malaysia;
- b. Perenggan 44(7)(aa) - sebuah organisasi yang ditubuhkan dan disenggarakan semata-mata untuk mentadbir dan menambah dana awam atau persendirian yang ditubuh atau dipegang hanya bagi tujuan untuk melaksanakan objektif di mana institusi itu beroperasi atau dijalankan;

Untuk perenggan 2.2.2(b), rujuk Garis Panduan Tabung Sumbangan Wang Awam Sekolah yang berkaitan secara berasingan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- c. Perenggan 44(7)(b) - sebuah organisasi yang ditubuhkan dan disenggarakan semata-mata untuk mentadbir dan menambahkan dana awam yang ditubuh atau dipegang hanya bagi tujuan untuk meringankan kesusahan di kalangan warganegara Malaysia;
 - d. Perenggan 44(7)(c) - sebuah organisasi yang ditubuhkan dan disenggarakan semata-mata untuk mentadbir dan menambah dana awam yang ditubuh dan dipegang hanya bagi tujuan keagamaan atau memajukan agama dan dana itu digunakan:
 - i. untuk pembinaan, penambahbaikan, pembelian atau penyenggaraan bangunan di Malaysia yang-
 - A. diniatkan untuk digunakan (dan, apabila dibina atau dibeli, digunakan) hanya untuk tujuan itu; dan
 - B. diniatkan untuk dibuka (dan, apabila dibina atau dibeli, dibuka) kepada mana-mana orang awam bagi tujuan itu; atau
 - ii. untuk menyediakan kemudahan untuk melaksanakan aktiviti berkaitan tujuan itu; atau
 - iii. untuk menyediakan pengurusan bagi aktiviti berkaitan tujuan itu.
- Untuk perenggan 2.2.2(d), rujuk Garis Panduan Tabung Pembinaan Rumah Ibadat, Tabung Pembelian Rumah Ibadat dan Tabung Pengurusan Rumah Ibadat yang berkaitan secara berasingan.
- e. Perenggan 44(7)(d) - sebuah organisasi yang menyelenggara atau membantu menyelenggara sebuah zoo, muzium, galeri seni atau usaha yang serupa atau yang terlibat dalam promosi kebudayaan atau kesenian;
 - f. Perenggan 44(7)(e) - sebuah organisasi yang terlibat dalam pemuliharaan atau perlindungan haiwan;
 - g. Perenggan 44(7)(f) - sebuah organisasi yang dibantu oleh Kerajaan yang hanya terlibat dalam menangani masalah berkaitan pembangunan industri dan komersial serta menggalakkan dan meningkatkan hubungan antara sektor awam dan sektor swasta;

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- h. Perenggan 44(7)(g) - sebuah organisasi yang dibantu oleh Kerajaan yang ditubuhkan dan disenggarakan semata-mata untuk mentadbir serta menambahkan suatu dana yang ditubuhkan atau dipegang hanya untuk menggalakkan perpaduan negara;
- i. Perenggan 44(7)(h) - sebuah organisasi yang ditubuhkan khusus untuk pemuliharaan atau perlindungan alam sekitar;
- j. Perenggan 44(7)(i) - sebuah organisasi antarabangsa seperti ditakrifkan di bawah Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1992 [Akta 485] yang menjalankan aktiviti amal/khairat yang ditentukan oleh Menteri Kewangan;
- k. Perenggan 44(7)(j) - sebuah organisasi yang ditubuhkan dan disenggarakan semata-mata untuk mentadbir dan menambah dana yang ditubuhkan atau dipegang bagi tujuan melaksanakan projek ke arah pembudayaan komuniti dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang diluluskan oleh Menteri Kewangan; atau
- l. Perenggan 44(7)(k) - dana amal/kebajikan atau akaun amanah yang ditubuhkan atau dipegang hanya bagi tujuan menyediakan bantuan kepada individu yang tidak, atau kurang berkemampuan, atau dalam hal individu tanggungan yang ibu bapa atau penjaganya tidak, atau kurang berkemampuan, untuk membayar kos rawatan yang diperlukan oleh individu tersebut untuk merawat penyakit serius sebagaimana yang dimaksudkan di bawah seksyen 2 ACP.

2.2.3 **Tabung** ertinya suatu tabung yang ditadbir dan ditambahkan dana oleh institusi atau organisasi di Malaysia bagi tujuan semata-mata untuk melaksanakan objektif tabung itu ditubuhkan atau dipegang dan tabung itu tidak ditubuhkan atau diadakan untuk mencari keuntungan semata-mata. Pengertian sebuah tabung adalah seperti berikut:

- a. mana-mana institusi atau organisasi yang beroperasi untuk mencari keuntungan semata-mata tidak layak dipertimbangkan untuk kelulusan KPHDN. Walau bagaimanapun, institusi atau organisasi tersebut boleh menubuhkan tabung seperti perenggan 2.2.3. Institusi atau organisasi boleh meneruskan aktiviti komersial dan ianya tertakluk kepada pengenaan cukai pendapatan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tabung yang ditubuhkan untuk melaksanakan aktiviti kebajikan, kesihatan atau lain-lain aktiviti selaras dengan subseksyen 44(7) ACP boleh dipertimbangkan kelulusan KPDHN di bawah subseksyen 44(6) ACP; dan

- b. institusi atau organisasi yang menubuhkan tabung merupakan pengasas kepada Tabung. Institusi atau organisasi adalah merupakan entiti yang berbeza dan berasingan dengan Tabung bagi tujuan pemakaian kelulusan subseksyen 44(6) ACP.

3. Kriteria Kelayakan Institusi Atau Organisasi Atau Tabung

3.1 Objektif Penubuhan IOT

- 3.1.1 Penubuhan IOT tersebut mestilah bukan bertujuan untuk mencari keuntungan semata-mata. Setiap IOT perlulah menyatakan objektifnya dengan jelas dalam perlembagaan, memorandum penubuhan atau peraturan tabung.
- 3.1.2 IOT yang menepati perenggan 2.1 dan 2.2 di atas mestilah menjalankan aktiviti yang selari dengan objektif yang dinyatakan dalam perlembagaan atau memorandum penubuhan atau peraturan tabung. **Aktiviti yang layak adalah merujuk subseksyen 44(7) ACP.**
- 3.1.3 Penubuhan tabung adalah sebagai alternatif kepada institusi atau organisasi yang tidak layak dipertimbangkan kelulusan KPDHN di bawah subseksyen 44(6) ACP disebabkan objektif institusi atau organisasi yang umum, luas dan pelbagai. Kewujudan tabung perlu dinyatakan di dalam perlembagaan, surat ikatan atau undang-undang bertulis institusi atau organisasi.
- 3.1.4 Penubuhan IOT bukan menjadi platform atau wakil kepada IOT yang lain bagi tujuan mengutip atau menyalurkan dana semata-mata.

3.2 Pengertian Bukan Bertujuan Untuk Mencari Keuntungan Semata-Mata

- 3.2.1 Prinsip asas bagi pengertian ini ialah IOT mesti tidak terlibat dalam sebarang aktiviti yang menjurus kepada perdagangan, perniagaan dan kepentingan pihak tertentu yang lain. Sebarang keuntungan pelaburan, pendapatan pasif dan perniagaan yang mematuhi perenggan subseksyen 44(7A) ACP dan 44(7B) ACP hendaklah diperuntukkan kepada IOT tersebut bagi tujuan digunakan semula dalam melaksanakan aktiviti IOT seperti mana termaktub di dalam objektifnya;

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 3.2.2 Sekurang-kurangnya **50% atau 60%** (bergantung kepada peratus penggunaan dana terkumpul untuk perniagaan) daripada pendapatan yang diperolehi dalam tahun terdahulu mestilah dibelanjakan pada tahun berikutnya untuk aktiviti bagi mencapai objektif-objektif IOT.
- 3.2.3 Khidmat atau manfaat IOT mestilah terbuka kepada **rakyat Malaysia** tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan. Namun begitu, khidmat atau manfaat IOT boleh diperluaskan kepada selain daripada rakyat Malaysia yang terjejas dan berada dalam kesusahan di Malaysia dengan syarat IOT perlu mengemukakan permohonan kepada KPHDN terlebih dahulu untuk kelulusan.
- 3.2.4 Khidmat atau manfaat IOT mestilah **tidak terhad** kepada sesuatu kumpulan sasaran berdasarkan **keturunan, anutan agama, fahaman politik atau kawasan tertentu, tetapi cukup untuk mencapai populasi tertentu di kalangan rakyat Malaysia** (*sufficient section of the public*).
- 3.2.5 Khidmat atau manfaat hendaklah diberikan secara percuma atau tanpa sebarang balasan/syarat. Bagi IOT yang mengenakan bayaran atau caj, IOT perlu mengemukakan Polisi Bantuan Kewangan (*Financial Assistance Policy - FAP*) yang lengkap dan komprehensif bagi tujuan kelulusan KPHDN. Pengenaan bayaran atau caj mestilah sekurang-kurangnya 20% lebih rendah daripada kadar pasaran.
- 3.2.6 Khidmat atau manfaat IOT mestilah **tidak dinikmati** oleh pengasas, Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Ahli Lembaga Pengarah, Ahli Jawatankuasa (ALPA/ALP/AJK) atau mana-mana pihak yang mengendalikan IOT.
- 3.2.7 Khidmat atau manfaat IOT mestilah **tidak dinikmati** oleh ahli keluarga atau mana-mana pihak yang berkepentingan dengan pengasas/ALPA/ALP/AJK atau mana-mana pihak yang mengendalikan IOT.
- 3.2.8 Pengasas/ALPA/ALP/AJK atau mana-mana pihak yang mengendalikan IOT **tidak boleh** menggunakan kuasa dan kedudukan mereka untuk kepentingan tertentu melalui IOT yang diluluskan tersebut.
- 3.2.9 Pengasas/ALPA/ALP/AJK tidak boleh menerima manfaat atau saaraan daripada IOT termasuk emolumen tetap dan mestilah dinyatakan dalam perlembagaan atau surat ikatan amanah atau peraturan tabung. Walau bagaimanapun, permohonan untuk

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

kelulusan penerimaan manfaat boleh dipertimbangkan dalam keadaan seperti berikut:

- a. permohonan golongan kurang upaya, kehilangan upaya disebabkan kecederaan atau berpenyakit. Permohonan perlu disokong dengan dokumen pengesahan Jabatan Kebajikan Masyarakat atau surat pengesahan pegawai perubatan Kerajaan; atau
- b. tuntutan bayaran balik (*reimbursement*) berkaitan tugas rasmi adalah dibenarkan dengan sokongan dokumen berkaitan.

3.2.10 Sebuah tabung yang ditubuhkan oleh institusi/organisasi (pengasas) tidak boleh melaksanakan aktiviti tanggungjawab sosial korporat pihak pengasasnya. Aktiviti tanggungjawab sosial korporat hendaklah dilaksanakan oleh pihak pengasas secara berasingan kerana ia sistemik di dalam model perniagaan sesebuah perniagaan yang boleh menghasilkan pulangan kewangan kepada pengasas.

3.2.11 IOT yang hendak dibubarkan atau menyerahkan balik status kelulusan KPHDN mesti mematuhi peraturan dan syarat yang ditetapkan di **perenggan 5.16 Bahagian B** garis panduan ini.

3.3 Ahli Lembaga Pemegang Amanah/Ahli Lembaga Pengarah/Ahli Jawatankuasa (ALPA/ALP/AJK)

3.3.1 Komposisi ALPA/ALP/AJK institusi atau organisasi

- a. Lebih 50% ALPA/ALP/AJK mestilah terdiri daripada orang luar. Maksud orang luar ialah yang tidak mempunyai perkaitan dan tidak terhad kepada yang berikut:
 - i. tidak mempunyai perkaitan dengan institusi atau organisasi atau pengasas;
 - ii. tidak mempunyai hubungan kekeluargaan seperti ibu-bapa, anak, adik beradik termasuk lain-lain hubungan kekeluargaan yang rapat;
 - iii. tidak mempunyai hubungan majikan dan pekerja dalam syarikat subsidiari yang dimiliki oleh institusi atau organisasi tanpa mengambil kira peratusan pegangan saham;

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- iv. tidak mempunyai hubungan pengarah atau pekerja di dalam syarikat atau kumpulan syarikat yang sama antara satu sama lain;
 - v. bukan ahli berdaftar dalam institusi atau organisasi tersebut; atau
 - vi. tidak mempunyai hubungan dengan institusi atau organisasi yang menubuhkan tabung (terpakai untuk tabung sahaja).
- b. Syarat pelantikan di perenggan 3.3.1(a) terpakai kepada institusi atau organisasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
 - c. Bagi institusi atau organisasi yang berdaftar dengan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri (BHEUU), kesemua syarat di perenggan 3.3.1(a) terpakai kecuali syarat di perenggan 3.3.1(a)(v) kerana institusi atau organisasi yang berdaftar dengan BHEUU tidak mempunyai konsep keahlian (membership).
 - d. Bagi institusi atau organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM), kesemua syarat di perenggan 3.3.1(a) terpakai kecuali syarat di perenggan 3.3.1(a)(v). Lantikan ALPA/ALP/AJK mestilah terdiri daripada ahli-ahli yang berdaftar dan mempunyai kuasa untuk mengundi.
 - e. Pemilihan dan pelantikan ALPA/ALP/AJK institusi atau organisasi mestilah sesuai dan tepat (proper and fit). Di samping faktor pengalaman, kebertanggungjawaban dan reputasi yang baik, ALPA/ALP/AJK yang dilantik juga hendaklah patuh kepada pengemukaan BNCP masing-masing di bawah seksyen 77 ACP.

3.3.2 Komposisi AJK tabung

- a. Bagi tabung yang ditubuhkan oleh institusi atau organisasi yang berdaftar dengan JPPM, sekurang-kurangnya 30% daripada AJK Tabung adalah terdiri daripada orang luar;
- b. Bagi tabung yang ditubuhkan oleh institusi atau organisasi yang berdaftar dengan SSM sebagai syarikat berhad menurut jaminan, lebih 50% daripada AJK Tabung mestilah terdiri daripada orang luar; dan

- c. Perenggan 3.3.1(a) adalah terpakai bagi maksud orang luar untuk menentukan komposisi AJK tabung.

3.4 Penerimaan Derma Atau Hadiah Wang Yang Layak Dikeluarkan Resit Rasmi Derma Di Bawah Subseksyen 44(6) ACP

IOT hanya boleh mengeluarkan resit derma kepada penderma/penyumbang yang menderma atau menghadihkan wang yang mana adalah terdiri daripada derma atau hadiah berbentuk **tunai** sahaja. Syarat-syarat lain ialah:

- a. derma atau hadiah wang tidak tertakluk kepada syarat untuk dibayar balik;
- b. derma atau hadiah wang bukan pemberian melalui sebarang skim pinjaman kewangan atau pun dikenakan faedah;
- c. derma atau hadiah wang tidak tertakluk kepada sebarang syarat daripada pihak penderma atau penyumbang;
- d. derma atau hadiah wang tidak tertakluk kepada urusan timbal balik atau pertukaran manfaat antara IOT dan penderma/penyumbang; dan
- e. tiada sebarang perjanjian berkaitan penggunaan derma atau hadiah wang antara IOT dan penderma/penyumbang.

3.5 Tempoh Operasi Bagi Institusi Atau Organisasi Atau Tabung Yang Layak Memohon

3.5.1 Institusi atau organisasi yang layak memohon hendaklah telah beroperasi sekurang-kurangnya 24 bulan. Ini adalah untuk memastikan:

- a. semakan terhadap aktiviti yang dijalankan selari dengan objektif dapat dibuat; dan
- b. institusi atau organisasi mestilah telah berdaftar dengan badan pendaftar di Malaysia (rujuk perenggan 2.1, Bahagian A).

3.5.2 Institusi atau organisasi yang berhasrat menubuhkan tabung adalah juga tertakluk kepada syarat di **perenggan 3.5.1** di atas.

3.6 Pendaftaran Nombor Pengenalan Cukai

Nombor pengenalan cukai (TIN) perlu didaftarkan di Pejabat HASiL yang berdekatan atau melalui aplikasi e-Daftar dalam sistem MyTax. Nombor pendaftaran bagi fail yang didaftarkan adalah seperti berikut:

Bil	Jenis Fail Cukai	Kategori Pembayar Cukai	Maklumat Tambahan
1	F	Pertubuhan	Nama Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) ialah TF
2	C	Syarikat - SBMJ	Selepas kelulusan KPHDN, syarikat boleh menukar jenis fail kepada F dan kekal dengan jenis fail F selagi berada dalam kelulusan KPHDN
3	TA	Badan Amanah	Nama BNCP ialah TA

4. Prosedur Permohonan Kelulusan

- 4.1 Bagi permohonan **kelulusan baharu**, permohonan adalah digalakkan menggunakan **sistem e-Derma** yang boleh diakses melalui portal MyTax (<https://mytax.hasil.gov.my>). Arahan dan panduan terkini berkenaan penggunaan sistem e-Derma boleh dirujuk melalui Portal HASiL (Perkhidmatan>>IOT Bukan Berasas Keuntungan>>Info Permohonan>>Permohonan). Namun permohonan secara manual masih diterima mengikut prosedur di perenggan 4.2 sehingga 4.7.
- 4.2 Orang yang layak mengemukakan permohonan bagi pihak IOT adalah seperti berikut:
 - a. Presiden, Pengerusi, Pengarah, Setiausaha sesebuah IOT;
 - b. Wakil/ejen cukai yang dilantik secara sah. Surat lantikan wakil/ejen cukai mestilah dikemukakan bersama-sama dengan permohonan; atau
 - c. Wakil yang dilantik secara sah oleh IOT. Surat lantikan wakil mestilah dikemukakan bersama-sama dengan permohonan.
- 4.3 Permohonan rasmi secara bertulis hendaklah menggunakan kepala surat rasmi yang menyatakan dengan jelas alamat surat-menyurat, e-mel, nombor telefon serta dokumen sokongan yang terkini seperti di perenggan 4.4.
- 4.4 Pemohon juga perlu mengemukakan dokumen tambahan-mengikut jenis pendaftaran IOT seperti berikut:

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Jenis Pendaftaran Institusi atau Organisasi atau Tabung	Nombor Lampiran
Berdaftar dengan SSM	Lampiran A-1
Berdaftar dengan JPPM	Lampiran A-2
Berdaftar dengan BHEUU / lain-lain badan pendaftar / undang-undang bertulis	Lampiran A-3
Tabung	Lampiran A-4

4.5 Bagi institusi atau organisasi (tidak termasuk tabung) yang mempunyai pusat jagaan warga emas, anak yatim, orang kurang upaya (OKU), perkhidmatan kesihatan dan seumpamanya, berikut adalah dokumen tambahan lain yang diperlukan:

- a. sijil pendaftaran daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- b. senarai nama penghuni, penjaga atau waris;
- c. latar belakang pusat jagaan;
- d. surat pengesahan dan kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
- e. senarai aktiviti harian/tahunan yang dijalankan oleh institusi atau organisasi.

4.6 Pemohon perlu mengisi, mengesahkan dan memperakui penghantaran dokumen seperti di senarai semak semasa membuat permohonan. Kegagalan mengemukakan dokumen yang lengkap akan menyebabkan permohonan tidak akan diproses.

4.7 Permohonan lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Sektor Dasar Percukaian
Aras 17, Menara Hasil
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8
63000 Cyberjaya
Selangor.**

4.8 **Surat Kelulusan KPHDN**

Setiap permohonan yang diluluskan oleh KPHDN akan menerima satu surat kelulusan yang mengandungi maklumat penting antaranya seperti berikut:

- a. nombor kelulusan KPHDN;

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- b. tempoh kelulusan yang diluluskan dan tarikh kuat kuasanya kelulusan KPHDN;
- c. tanggungjawab dan larangan dalam tempoh kelulusan KPHDN (termasuk syarat-syarat khas sekiranya ada);
- d. dasar pelaburan (jika berkaitan); dan
- e. kesan pelanggaran syarat dan larangan dalam tempoh kelulusan KPHDN.

4.9 Permohonan Kelulusan Format Resit Rasmi Derma Diluluskan Oleh KPHDN

Setelah IOT menerima surat kelulusan, IOT perlu mengemukakan draf format resit rasmi derma IOT untuk kelulusan yang mengandungi maklumat-maklumat seperti berikut:

- a. menggunakan Bahasa Melayu atau dwibahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris);
- b. nama dan alamat IOT;
- c. nombor siri resit rasmi yang bercetak (*preprinted*) dan unik;
- d. tarikh resit;
- e. nama penderma berserta dengan nombor kad pengenalan, nombor passport dan nombor pendaftaran perniagaan dan alamat surat-menyurat penderma;
- f. amaun yang didermakan;
- g. jawatan pemungut (*collector*) seperti Presiden atau Bendahari; dan
- h. catatan berikut di bahagian bawah sebelah kiri resit/ruang yang boleh dilihat dengan jelas –

“Potongan Di Bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967:

No. Rujukan: LHDN.AG.600-12/1/4-6.XXXX

Tempoh kuat kuasa: hh/bb/tttt hingga hh/bb/tttt”

- i. Sebarang penggunaan resit elektronik atau e-Resit (selain e-Invois) perlu mendapatkan kelulusan dan kebenaran KPHDN melalui permohonan bertulis secara rasmi.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 4.10 Pelaksanaan e-Invois adalah terpakai kepada IOT yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP bagi transaksi penerimaan derma atau hadiah wang.
- a. e-Invois dilaksanakan secara berperingkat oleh IOT mengikut garis masa pelaksanaan mandatori yang ditetapkan dalam perenggan 1.5, Garis Panduan e-Invois.
 - b. Walau bagaimanapun, IOT boleh memilih untuk melaksanakan e-Invois secara sukarela pada tarikh yang lebih awal berbanding garis masa yang ditetapkan.
 - c. Pada masa ini, IOT dengan pendapatan tahunan kurang daripada RM500,000 adalah dikecualikan daripada pelaksanaan e-Invois sepertimana yang dinyatakan di perenggan 1.6, Garis Panduan e-Invois. Bagi kategori IOT ini, pengeluaran resit rasmi (*preprinted*) adalah masih terpakai.
 - d. Lanjutan daripada perenggan (c) di atas, sekiranya jumlah pendapatan IOT telah mencapai atau melebihi RM500,000 bagi suatu tahun taksiran, pelaksanaan e-Invois hendaklah bermula pada 1 Januari tahun kedua selepas tahun taksiran di mana jumlah pendapatan tahunan berkenaan mencapai atau melebihi RM500,000.
 - e. Kaedah pelaksanaan e-Invois adalah seperti berikut:

Kaedah
<p>(i) Jika penderma meminta e-Invois</p> <ul style="list-style-type: none">• IOT dikehendaki mengeluarkan e-Invois bagi transaksi penerimaan derma atau hadiah wang.• Pengeluaran resit rasmi (<i>preprinted</i>) subseksyen 44(6) ACP bagi transaksi penerimaan derma atau hadiah wang tidak lagi diperlukan sekiranya e-Invois telah dikeluarkan kepada penderma.• IOT tidak perlu mendapatkan kelulusan dan kebenaran KPHDN terlebih dahulu jika e-Invois dikeluarkan adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan. <p>(ii) Jika penderma tidak meminta e-Invois</p> <ul style="list-style-type: none">• IOT dikehendaki mengeluarkan resit rasmi (<i>preprinted</i>) subseksyen 44(6) ACP mengikut garis panduan yang

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

dikeluarkan dan/ atau ketetapan mengikut kelulusan yang diberikan oleh KPHDN; dan

- IOT menjumlahkan semua transaksi penerimaan derma atau hadiah wang secara bulanan dan menghantar e-Invois yang disatukan (*consolidated e-Invoice*) dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar bulan berikutnya.

Nota:

- i. Bagi penderma yang tidak mengemukakan maklumat lengkap, IOT perlu menjumlahkan semua transaksi penerimaan derma atau hadiah wang tersebut secara bulanan dan menghantar e-Invois yang disatukan (*consolidated e-Invoice*) dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar bulan berikutnya.
- ii. Bagi tujuan pengeluaran e-Invois (termasuk e-invois yang disatukan), butiran yang dinyatakan dalam perenggan 4.9 (h) hendaklah dimasukkan ke dalam ruangan “Keterangan Produk atau Perkhidmatan”. Maklumat tersebut hendaklah sama dengan butiran kelulusan yang terkandung dalam resit rasmi (*preprinted*) subseksyen 44(6) ACP.
- iii. Mulai 1 Januari 2026, bagi penerimaan derma atau hadiah wang melebihi RM10,000 dalam satu transaksi, penderma wajib mengemukakan maklumat lengkap seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 1, Garis Panduan e-Invois untuk tujuan pelaksanaan e-Invois.

B. KEWAJIPAN IOT DALAM TEMPOH KELULUSAN

5. Pematuhan Kepada Syarat-Syarat Kelulusan Di Bawah Subseksyen 44(6), 44(7A) Dan 44(7B) ACP

IOT mestilah mematuhi syarat-syarat berikut:

- 5.1 IOT hendaklah terus beroperasi dengan tidak bertujuan untuk mencari keuntungan semata-mata seperti keperluan di **perenggan 3.2 Bahagian A** garis panduan ini.
- 5.2 Bagi IOT yang berhasrat mengenakan caj tertentu, IOT perlu mengemukakan Polisi Bantuan Kewangan (*Financial Assistance Policy - FAP*) yang komprehensif bagi tujuan kelulusan KPHDN.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 5.3 IOT perlu memaklumkan amaun bantuan kewangan atau diskaun yang diberikan kepada penerima manfaat di dalam resit atau invois yang dikeluarkan. Penjelasan manfaat kewangan adalah merujuk FAP IOT. Penerima manfaat yang ditaja atau dibiayai oleh pihak ketiga atau mempunyai perlindungan insurans dianggap bukan penerima manfaat dan tidak boleh dikira sebagai aktiviti bagi tujuan syarat belanja 50% atau 60% IOT.
- 5.4 Semua derma yang diterima dalam bentuk tunai atau melalui perbankan internet/cek/kiriman wang/wang pos/draf bank perlu dikeluarkan resit rasmi subseksyen 44(6) ACP yang memenuhi format resit di **perenggan 4.9 Bahagian A** garis panduan ini.
- 5.5 Resit kelulusan subseksyen 44(6) ACP hanya boleh dikeluarkan oleh IOT yang mendapat kelulusan subseksyen 44(6) ACP. Resit tersebut tidak boleh digunakan oleh pihak lain.
- 5.6 Resit **hanya layak diberi** kepada **penderma yang** memberikan maklumat yang lengkap berkaitan dirinya seperti butiran berikut:
- 5.6.1 Bagi penderma **individu**:
- nama penderma;
 - nombor kad pengenalan / nombor pasport terkini; dan
 - alamat lengkap.
- 5.6.2 Bagi penderma **selain individu**:
- nama penderma;
 - nombor pendaftaran dengan badan pendaftar; dan
 - alamat lengkap.
- Resit **tidak layak diberi** kepada **penderma** yang tidak mengemukakan maklumat seperti di Perenggan 5.6 dan tidak menepati syarat yang dinyatakan di perenggan 3.4 Bahagian A garis panduan ini.
- 5.7 Bagi IOT yang mempunyai objektif dan aktiviti berkaitan pemberian biasiswa/bantuan kewangan pendidikan adalah dibenarkan untuk mengenakan syarat jaminan pekerjaan dengan IOT atau syarat ikatan (*bonding condition*) kepada penerima biasiswa atau bantuan kewangan pendidikan tersebut dengan syarat:
- 5.7.1 hendaklah dipastikan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan amaun sebenar biasiswa atau bantuan kewangan yang dibelanjakan dalam suatu tahun taksiran adalah diberikan kepada warganegara Malaysia dari kumpulan B40 dan/atau M40

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

tanpa mengira bangsa atau agama. Tafsiran kumpulan B40 dan M40 adalah sebagaimana dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia; dan

5.7.2 IOT perlu menyimpan rekod dan maklumat ini secara berasingan bagi tujuan semakan.

5.8 Permohonan kelulusan secara bertulis perlu dibuat kepada KPHDN bagi perkara berikut:

5.8.1 sebelum pemerolehan aset atau harta tambahan. Permohonan hendaklah dikemukakan berdasarkan nilai kos aset seperti jadual di bawah:

Kategori Aset	Kos
Tanah dan Bangunan	Bagi setiap transaksi pemilikan dan pembelian aset
Loji dan Jentera	
Kenderaan	
Pengubahsuaian	Bagi setiap kos pengubahsuaian
Lekapan dan Kelengkapan	RM20,000 dan ke atas bagi setiap transaksi pemilikan dan pembelian aset
Peralatan Pejabat	
Perkakasan Komputer	

5.8.2 sebelum pelupusan aset atau harta tambahan (tanpa mengambil kira kategori aset dan kos pelupusan);

5.8.3 sebelum sebarang pertukaran ALPA/ALP/AJK atau keahlian IOT;

5.8.4 sebelum pindaan kepada perlembagaan atau surat ikatan amanah atau peraturan tabung IOT;

5.8.5 sebarang pertukaran alamat IOT; atau

5.8.6 pembubaran atau penyerahan balik status kelulusan KPHDN.

5.9 **Kelulusan/Kebenaran bertulis daripada Menteri Kewangan mesti diperoleh sebelum** menjalankan apa-apa aktiviti di luar negara.

Institusi atau organisasi perlu menghantar salinan kelulusan/kebenaran bertulis Menteri Kewangan kepada KPHDN. Tabung tidak dibenarkan menjalankan apa-apa aktiviti di luar negara.

5.10 **Perbelanjaan untuk melaksanakan aktiviti bagi mencapai objektif IOT**

5.10.1 **Institusi atau organisasi**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- a. Sekurang-kurangnya 50% daripada pendapatan yang diperolehi dalam tahun terdahulu mestilah dibelanjakan pada tahun berikutnya semata-mata untuk aktiviti bagi mencapai objektif IOT. Perbelanjaan ini dipanggil sebagai belanja objektif.
- b. Belanja objektif merupakan perbelanjaan bagi pelaksanaan aktiviti yang berkaitan dengan objektif IOT. Contohnya seperti amaun pemberian biasiswa, bantuan kepada golongan yang memerlukan dan miskin, bantuan pembiayaan bil perubatan, perbelanjaan langsung dan lain-lain seperti dinyatakan dalam objektif yang diluluskan.
- c. Belanja operasi dan pentadbiran perlulah diasingkan daripada belanja berkaitan objektif. Belanja operasi dan pentadbiran yang dibenarkan adalah **tidak melebihi 20%** daripada keseluruhan pendapatan tahun terdahulu.
- d. Lain-lain perbelanjaan operasi tidak boleh diambilkira sebagai perbelanjaan berkaitan objektif contohnya belanja sewa, belanja gaji kakitangan pentadbiran dan operasi IOT, belanja susut nilai, belanja modal dan lain-lain.
- e. Namun demikian, bayaran gaji atau upah kepada tenaga pengajar oleh IOT bagi program pendidikan/pembelajaran untuk membantu para pelajar dari **golongan kurang berkemampuan** dibenarkan sebagai belanja objektif selaras dengan objektif penubuhan IOT yang diluluskan.
- f. Institusi atau organisasi (tidak termasuk tabung) dibenarkan melibatkan diri dalam perniagaan berdasarkan peruntukan perenggan 44(7A)(a) ACP tertakluk kepada ketetapan KPHDN seperti berikut:
 - i. syarat bagi penggunaan dana terkumpul sehingga 25% untuk perniagaan:

sekurang-kurangnya 50% daripada pendapatan yang diperolehi dalam tahun terdahulu mestilah dibelanjakan pada tahun berikutnya semata-mata untuk aktiviti bagi mencapai objektif institusi atau organisasi.
 - ii. Syarat bagi penggunaan dana terkumpul dari 25% sehingga 35% untuk perniagaan:

sekurang-kurangnya 60% daripada pendapatan yang diperolehi dalam tahun terdahulu mestilah dibelanjakan

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

pada tahun berikutnya semata-mata untuk aktiviti bagi mencapai objektif institusi atau organisasi.

Ringkasan pemakaian peruntukan ini adalah seperti jadual berikut:

Ketetapan	Penetapan Dana Penggunaan	Syarat Perbelanjaan - Aktiviti Objektif
1	Sehingga 25% daripada dana terkumpul*	Sekurang-kurangnya 50%
2	Melebihi 25% dan sehingga 35% daripada dana terkumpul*	Sekurang-kurangnya 60%

**Maksud dana terkumpul ialah jumlah dana terkumpul pada hari pertama dalam sesuatu tahun taksiran itu.*

- iii. Semua amaun keuntungan perniagaan yang diperolehi hendaklah dilaporkan sebagai pendapatan dan digunakan semata-mata bagi tujuan mencapai objektif institusi atau organisasi.
- iv. Perniagaan yang dimaksudkan adalah perniagaan yang mempunyai kaitan dengan objektif dan operasi institusi atau organisasi selaras dengan subseksyen 44(7B) ACP.
- v. Akaun perniagaan perlu disediakan secara berasingan dan dikemukakan sekiranya diminta.

5.10.2 Tabung

- a. Tabung tidak dibenarkan menjalankan sebarang perniagaan.
- b. Sekurang-kurangnya 50% daripada pendapatan yang diperolehi dalam tahun terdahulu mestilah dibelanjakan pada tahun berikutnya untuk aktiviti bagi mencapai objektif-objektif tabung.
- c. Perbelanjaan berkaitan tabung sahaja yang dibenarkan tolakan di dalam penyata kewangan beraudit. Manakala, perbelanjaan institusi atau organisasi tidak dibenarkan dan mesti dibuat di dalam akaun berasingan.
- d. Pendapatan ke atas institusi atau organisasi yang menubuhkan tabung adalah dikenakan cukai pendapatan. Pendapatan tabung sahaja dikecualikan daripada pengenaan cukai pendapatan.

5.11 Dasar Pelaburan bagi Institusi atau Organisasi atau Tabung

Mana-mana institusi atau organisasi yang bercadang untuk membuat pelaburan, institusi atau organisasi berkenaan adalah tertakluk kepada Dasar Pelaburan sebagaimana yang ditetapkan di **Lampiran B**. Bagi Tabung yang ingin membuat pelaburan, permohonan untuk kelulusan KPHDN perlu diperolehi.

5.12 Pengemukaan Penyata Kewangan Beraudit, Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) dan Pengiraan Cukai

5.12.1 Penyata kewangan tahunan yang telah diaudit oleh Juruaudit Awam Bertauliah, **BNCP** dan **Pengiraan Cukai** mestilah dikemukakan seperti berikut:

Jenis Fail Cukai	Kategori Pembayar Cukai	Ada/Tiada Perniagaan	Tarikh Akhir Pengemukaan Penyata Kewangan Beraudit, BNCP & Pengiraan Cukai	Kaedah Pengemukaan	
				Penyata Kewangan Beraudit & Pengiraan Cukai	BNCP
F	Pertubuhan	Tiada	30 April setiap tahun	Dikemukakan ke: Sektor Dasar Percukaian Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Menara Hasil, Aras 17, Persiaran Rimba Permai, Cyber 8, 63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.	e-filing
		Ada	30 Jun setiap tahun		
C	Syarikat - SBMJ	Ada atau Tiada	Dalam tempoh 7 bulan dari tarikh akhir penutupan tempoh perakaunan yang menjadi tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan.		
TA	Badan Amanah				

5.12.2 Penyata kewangan beraudit yang disatukan hendaklah dikemukakan oleh IOT sekiranya mempunyai cawangan di bawah naungannya. Penyata yang disatukan tersebut hendaklah mengandungi semua pendapatan yang diterima dan perbelanjaan yang dibuat olehnya.

5.12.3 Bagi tujuan pengiraan cukai, IOT hendaklah merujuk kepada peruntukan undang-undang terpakai yang sedang berkuat kuasa.

5.12.4 IOT adalah digalakkan memaparkan (*disclose*) penyata kewangan beraudit tahunan kepada pihak awam menerusi pelbagai medium hebahan untuk ketelusan.

5.13 Syarat tambahan kepada institusi atau organisasi atau tabung yang menerima sumbangan/derma daripada pengasas/ahli/anggota pengasas/kumpulan syarikat:

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Bagi IOT yang mana sumber dana adalah daripada sumbangan pengasas/ahli/anggota pengasas/kumpulan syarikat, IOT tersebut perlu mematuhi syarat-syarat berikut:

5.13.1 perlu membuat hebahan status kelulusan KPHDN kepada orang awam; dan

5.13.2 memperjelaskan secara terperinci tujuan dan penggunaan dana terkumpul dalam penyata kewangan beraudit setiap tahun.

5.14 **Lain-lain maklumat tambahan yang perlu dikemukakan:**

5.14.1 Senarai lengkap penderma yang telah menderma sebanyak **RM20,000.00 dan ke atas** seperti format di **Lampiran C**.

5.14.2 Senarai penerima bantuan yang lengkap dengan butiran berikut:

a. maklumat penerima bantuan:

nama, nombor kad pengenalan, amaun, jenis bantuan;

b. maklumat ibu dan bapa atau penjaga:

nama, nombor kad pengenalan serta majikan ibu dan bapa atau penjaga;

c. maklumat IOT yang menerima bantuan:

nama, alamat dan nama pengarah IOT.

5.14.3 Bagi senarai penderma dan senarai penerima bantuan yang melebihi 50 orang, pengemukaan adalah menggunakan pemacu USB (dalam format Excel).

5.14.4 Senarai aktiviti yang dilaksanakan bagi mencapai objektif IOT.

Kesemua maklumat tambahan di **perenggan 5.14** perlu dikemukakan bersama-sama dengan penyata kewangan beraudit dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **perenggan 5.12 Bahagian B** garis panduan ini.

5.15 Semua rekod dan dokumen IOT hendaklah disimpan untuk dikemukakan kepada KPHDN untuk rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.

5.16 Sekiranya IOT berhasrat untuk dibubarkan atau menyerahkan balik status kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(6) ACP, permohonan kelulusan hendaklah dikemukakan kepada KPHDN dalam tempoh 90 hari bekerja daripada tarikh resolusi ALPA/ALP/AJK dibuat berdasarkan senarai semak di **Lampiran A-5**.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Pembubaran tidak boleh dilaksanakan sebelum kelulusan bertulis daripada KPHDN diperolehi. Tarikh penamatan kelulusan subseksyen 44(6) ACP akan diputuskan oleh KPHDN secara bertulis.

6. Pematuhan Kepada Larangan Ke Atas Institusi Atau Organisasi Atau Tabung Yang Telah Diluluskan Di Bawah Subseksyen 44(6) ACP

IOT yang telah diluluskan adalah **dilarang** daripada melakukan perkara berikut:

- 6.1 melabur di dalam syarikat subsidiari dengan pegangan saham melebihi 49%;
- 6.2 menerima derma daripada syarikat subsidiari yang mana IOT memegang lebih 49% saham;
- 6.3 menggunakan logo rasmi HASiL atau mengubahsuai logo tersebut di dalam semua dokumen dan media;
- 6.4 melibatkan diri dalam sebarang kegiatan politik atau gerakan kesatuan sekerja atau membenarkan kewangannya, ahli/staf dan premis/harta digunakan untuk tujuan tersebut;
- 6.5 membeli atau menambah aset yang tidak selari dengan objektif IOT;
- 6.6 melibatkan diri dalam pembiayaan sebarang aktiviti keganasan;
- 6.7 mengatur atau pun terlibat dengan aktiviti pengubahan wang haram;
- 6.8 menyalahgunakan dana awam bagi tujuan lain yang tidak selari dengan objektif yang telah digariskan dan boleh menjurus kepada ketirisan hasil;
- 6.9 membenarkan IOT lain menggunakan resit kelulusan subseksyen 44(6) ACP; dan
- 6.10 **melanggar syarat di perenggan 5 Bahagian B garis panduan ini.**
- 6.11 Larangan tambahan bagi tabung;
 - a. tidak boleh menjalankan sebarang bentuk aktiviti perniagaan; dan
 - b. tidak boleh membeli atau menambah sebarang bentuk aset alih atau tidak alih tanpa kelulusan KPHDN.

7. Kesan Pelanggaran Syarat-Syarat Dan Larangan Kelulusan

- 7.1 Setiap IOT yang telah diluluskan oleh KPHDN di bawah subseksyen 44(6) ACP akan menikmati pengecualian cukai di bawah **subsubperenggan 13(1)(a) Jadual 6, ACP.**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 7.2 Bagaimanapun, cukai pendapatan boleh dikenakan kepada mana-mana IOT yang **melanggar syarat dan larangan kelulusan** semasa dalam tempoh kelulusan KPHDN berkuat kuasa. Kadar cukai akan dikenakan mengikut jenis fail cukai yang didaftarkan dan cukai akan dibangkitkan pada tahun taksiran pelanggaran syarat itu berlaku.
- 7.3 Dalam perenggan 7.2, perkataan '**syarat dan larangan kelulusan**' adalah syarat-syarat dan larangan kelulusan di **Bahagian B** garis panduan ini serta syarat-syarat dan larangan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.
- 7.4 Walau apapun dinyatakan dalam perenggan 7.2, KPHDN atas budi bicaranya boleh menarik balik kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP berdasarkan merit kesalahan sesuatu pelanggaran syarat.
- 7.5 Dalam situasi di mana IOT tiada pendapatan bagi sesuatu tahun taksiran dalam tempoh kelulusan dan berlakunya pelanggaran syarat, KPHDN boleh menggunakan kuasa di bawah seksyen 148 ACP untuk memendekkan/menarik balik status kelulusan IOT di bawah subseksyen 44(6) ACP.
- 7.6 Ringkasan pelanggaran syarat dan larangan kelulusan oleh IOT adalah seperti berikut:
- 7.6.1 gagal atau lewat mengemukakan penyata kewangan beraudit untuk tempoh yang diperlukan;
 - 7.6.2 gagal atau lewat mengemukakan BNCP;
 - 7.6.3 gagal atau lewat mengemukakan senarai lengkap penderma yang telah menderma sebanyak RM20,000.00 dan ke atas;
 - 7.6.4 gagal atau lewat mengemukakan senarai penerima bantuan;
 - 7.6.5 gagal atau lewat mengemukakan senarai aktiviti;
 - 7.6.6 gagal mematuhi syarat peratusan perbelanjaan untuk objektif;
 - 7.6.7 gagal mematuhi syarat peratusan penggunaan dana terkumpul untuk perniagaan di bawah subseksyen 44(7A)(a) ACP;
 - 7.6.8 menyalahguna resit derma atau membenarkan pihak lain menggunakan resit derma cukai pihak IOT yang diluluskan;
 - 7.6.9 menggunakan resit yang tidak mengikut format yang ditetapkan oleh KPHDN;

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 7.6.10 mengeluarkan resit kepada penderma yang tidak memberikan maklumat yang lengkap;
- 7.6.11 memiliki lebih 49% pegangan saham dalam anak syarikat atau/dan menerima derma daripadanya;
- 7.6.12 gagal melaksanakan sebarang aktiviti seperti dalam objektif;
- 7.6.13 melaksanakan aktiviti yang tidak selaras dengan objektif;
- 7.6.14 gagal mengemukakan permohonan bertulis kepada KPHDN berkenaan pindaan perlembagaan, perubahan ALPA/ALP/AJK atau penambahan/pengurangan aset;
- 7.6.15 gagal memaklumkan pertukaran alamat;
- 7.6.16 melaksanakan aktiviti di luar negara tanpa kelulusan Menteri Kewangan;
- 7.6.17 memberi manfaat dan faedah kepada ALPA/ALP/AJK (melainkan seperti yang dibenarkan dalam perenggan 3.2.9 Bahagian A Garis Panduan ini);
- 7.6.18 menyalahgunakan dana untuk aktiviti haram, membiayai sebarang aktiviti keganasan atau kepentingan tertentu pengasas/ALPA/ALP/AJK atau mana-mana pihak yang mengendalikan IOT;
- 7.6.19 terlibat dalam pengubahan wang haram; dan
- 7.6.20 pelanggaran mana-mana syarat dan larangan kelulusan lain yang ditetapkan dalam surat kelulusan atau Garis Panduan yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.

C. HAD TEMPOH MASA KELULUSAN DAN PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP

8. Had Tempoh Masa Kelulusan

Had tempoh kelulusan oleh KPHDN boleh diberi **sehingga 5 tahun** kepada IOT yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP.

9. Permohonan Lanjutan Tempoh Kelulusan KPHDN

9.1 Bagi tujuan lanjutan tempoh kelulusan, IOT perlu secara bertulis dalam tempoh 6 bulan sebelum tamat tempoh untuk membuat permohonan

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

kepada KPHDN dan perlu sertakan dokumen sokongan yang terkini seperti di **perenggan 4.4, Bahagian A**.

- 9.2 Lanjutan tempoh kelulusan akan diberikan pertimbangan oleh KPHDN berdasarkan semakan rekod pematuhan syarat-syarat kelulusan terdahulu dan dokumen sokongan terkini yang dikemukakan.

D. LAYANAN PENCUKAIAN

10. Punca Kuasa KPHDN Ke Atas Kelulusan Serta Pengenaan Syarat-Syarat Dan Larangan Kelulusan

- 10.1 Syarat-syarat kelulusan dan tanggungjawab IOT yang disenaraikan di dalam garis panduan ini tidak menghadkan atau menjejaskan kuasa KPHDN di bawah seksyen 148 ACP berkenaan dengan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP.
- 10.2 IOT hendaklah sentiasa mematuhi syarat dan larangan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.
- 10.3 Garis panduan ini adalah terpakai kepada semua IOT yang berkuatkuasa kelulusannya oleh KPHDN di bawah subseksyen 44(6) ACP atau Ordinan Cukai Pendapatan 1947 tanpa mengambil kira tarikh kelulusan.

11. Layanan Cukai Ke Atas Penderma

- 11.1 Penderma yang memberi sumbangan dalam **bentuk tunai** kepada sesebuah IOT yang telah diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP dan disokong oleh resit rasmi layak mendapat tolakan daripada pendapatan agregat atas sumbangan tersebut.
- 11.2 Sumbangan berupa barangan boleh diterima oleh IOT tetapi **tidak layak** untuk mendapat resit tolakan cukai dan potongan cukai.
- 11.3 Jenis-jenis potongan cukai:
- 11.3.1 derma atau sumbangan tunai kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan adalah bersamaan amaun derma dan sumbangan serta perlu dibuktikan dengan **Resit Kewangan 38/JBN41/T69**.
- 11.3.2 Bagi derma atau sumbangan tunai di bawah kelulusan KPHDN, amaun potongan adalah terhad kepada 10% daripada pendapatan agregat individu atau syarikat.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 11.4 Sekiranya IOT melanggar mana-mana syarat dan larangan kelulusan dan dikenakan cukai bagi tahun taksiran di mana pelanggaran syarat itu berlaku atau kelulusan ditarik balik, ianya tidak memberi kesan potongan cukai kepada penderma. Walau bagaimanapun, ketetapan ini tertakluk kepada kuasa KPHDN di bawah **seksyen 148 ACP**.

12. PERINGATAN PENTING

Mulai tahun taksiran 2024, **sekiranya IOT melanggar mana-mana syarat dan larangan yang ditetapkan**, IOT akan dikenakan cukai bagi tahun taksiran yang mana pelanggaran syarat berlaku walaupun dalam tempoh kelulusan masih berkuat kuasa.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tarikh : 23 OKTOBER 2025

s.k : LHDN.600-1/7/3